

16 MAY, 2024

# Kecekapan tenaga elak pembaziran

Majoriti 7, Malaysia



# Kecekapan tenaga elak pembaziran

JIKA diperhatikan kepada perkakasan elektrik di rumah pastinya terdapat perkakasan tertentu yang mempunyai label penilaian tenaga. Tahukah anda apakah maksud di sebalik label berkenaan?

Suruhanjaya Tenaga menubuhkan skim pelabelan tenaga bagi peralatan elektrik rumah untuk memaklumkan nilai kecekapan tenaga sesuatu produk. Jika dinilai lima bintang, ia bererti penjimatan tenaga yang paling tinggi.

Kecekapan tenaga merujuk kepada penggunaan tenaga yang cermat, berhemat dan bijaksana. Sebagai pengguna, amalan kecekapan tenaga boleh mengurangkan perbelanjaan, mengelakkan pembaziran dan membantu menjimatkan kos.

Menurut Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia, kecekapan tenaga dapat ditentukan dengan menggunakan jumlah tenaga yang sama atau kurang untuk menghasilkan pengeluaran yang lebih baik atau menggunakan tenaga yang kurang untuk menyelesaikan tugas sama atau untuk menikmati tahap keselesaan setara.

Suruhanjaya Tenaga adalah pihak yang bertanggungjawab membangun dan mengawal selia program pelabelan cekap tenaga. Program pelabelan cekap tenaga itu bertujuan untuk menggalakkan industri untuk menghasilkan barang elektrik yang menjimatkan tenaga.

Selain itu, sesebuah syarikat barang elektrik juga mempunyai kelebihan dari segi persaingan kerana barang mereka mempunyai label yang menunjukkan bahawa ia boleh menjimatkan tenaga elektrik.

### Kepentingan

Secara khususnya, aspek kecekapan penggunaan tenaga elektrik harus diberi penekanan kerana ia

Penjanaan tenaga secara berlebihan menyebabkan negara hilang sumber bekalan.

merupakan salah satu penyumbang terbesar kepada perubahan iklim melalui proses penjanaan tenaga dan pembakaran bahan api fosil.

Ahli Fizik, Walter Orr Roberts dan Henry Lansford Roberts menerusi buku *The Climate Mandate* melihat keinginan memanipulasi alam sekitar untuk memenuhi kehendak manusia walaupun bagi tujuan pembangunan akan mengundang kebinasaan.

Sesebuah ekonomi menggunakan semua sumber yang ada untuk kemajuan tetapi kesannya apabila kemajuan ciptaan manusia akhirnya boleh membawa kemusnahan kepada penduduk dunia.

### Pemanasan global

Langkah penjimatan tenaga elektrik adalah perkara penting demi kelangsungan generasi akan datang.

Ini berikutan penjanaan tenaga elektrik berasaskan minyak, arang batu dan tenaga hidro adalah sumber yang tidak boleh diperbaharui sekiranya ia mengalami kekurangan bekalan.

Ramai tidak sedar penggunaan tenaga elektrik secara berlebihan turut menyumbang kepada pemanasan global dan pencemaran udara.

Kecekapan tenaga adalah salah satu cara yang paling berpotensi untuk mengurangkan gas rumah hijau dalam jangka masa pendek.

Selain itu, mengurangkan penggunaan tenaga bermakna hanya sedikit bahan api diperlukan. Ia membawa kepada pengurangan jangka masa panjang dalam penggunaan tenaga.

Ini secara tidak langsung membantu memanjangkan hayat sumber-sumber asli seperti bahan api fosil, arang batu dan gas.

## Langkah mudah penjimatan tenaga

- Laraskan suhu bilik pada 25 darjah Celsius, suhu di bawah paras itu dianggap terlalu sejuk dan menyebabkan pemampat penghawa dingin mengguna tenaga berlebihan untuk mencapai suhu rendah.
- Penyelenggaraan berkala untuk penghawa dingin dan peralatan elektrik.
- Tetapkan mod *sleep* untuk monitor komputer yang tidak digunakan dalam tempoh singkat.
- Guna peralatan cekap tenaga.

## Info label cekap tenaga

Penilaian tenaga 1-5 bintang

Jenis produk

PENGUNAAN TENAGA ENERGY CONSUMPTION

QR Code

Penggunaan tenaga Purata Belahun Average Energy Consumption Per Year

Penjimatan tenaga berbanding model standard bertaraf 3 bintang (%).

Info model

Tahun penarafan diberikan

Standard pengujian digunakan

Kelulusan untuk mengilang atau mengimport

Penjimatan tenaga elektrik perkara penting kepada alam sekitar demi kelangsungan generasi masa depan.